

KAEDAH PENULISAN RASM OTHMANI DAN KEISTIMEWAANNYA

*Khairul Anuar Mohamad & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif **

Abstrak

Kertas kerja yang dikemukakan ini adalah berkaitan kaedah penulisan al-Quran dengan *Rasm 'Uthmaniyy*. Ia bertujuan memberi pendedahan bahawa penulisan *Rasm 'Uthmaniyy* adalah alternatif pilihan yang tidak ada tolok bandingnya. Walaupun satu ketika dulu *Rasm 'Uthmaniyy* tidak mendapat tempat dalam masyarakat, namun beberapa tahun kebelakangan ini anak-anak dididik membaca al-Quran dengan menggunakan mushaf yang ditulis dengan *Rasm 'Uthmaniyy* dan mereka mampu membaca dengan baik dan tepat. *Rasm 'Uthmaniyy* mempunyai beberapa kaedah dan usul dan penulisannya mampu merangkumi kebanyakan *qirat mutawatirah*. Dengan itu, kertas kerja ini akan membincangkan kaedah penulisan *Rasm 'Uthmaniyy* dan mengambil kira juga *Dabt al-Quran*. *Dabt al-Quran* adalah ilmu yang membincangkan tentang baris, titik dan tanda-tanda dalam al-Quran. Proses pembentukan ilmu ini amatlah panjang. Di akhir penulisan, penulis berharap setiap kaedah yang dihuraikan akan menambahkan pengetahuan pembaca. Ia juga akan menolong dalam mengetahui selok-belok bacaan al-Quran dan memahami penulisannya. Gabungan antara ilmu *Rasm* dan ilmu *Dabt* akan membuahkan satu ilmu lain iaitu ilmu Tajwid. Ilmu Tajwid akan difahami secara tidak langsung bilamana seseorang memahami kedua-dua ilmu tersebut iaitu *Rasm* dan *Dabt* secara keseluruhan.

* Khairul Anuar Mohamad & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif adalah pensyarah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia. E-mail: khairul@admin.kuim.edu.my dan mustaqim@admin.kuim.edu.my

PENULISAN

Islam memandang tinggi ilmu penulisan dan memuliakannya. Al-Quran sendiri telah menyebut tentang penulisan, antaranya firman Allah S.W.T. dalam wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w. iaitu:

﴿ أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ ﴿٣﴾
الْأَكْرَمُ ﴿٤﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٥﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٦﴾ ﴾

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuku darah. Bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya” (al-‘Alaq: 1-5)

Abu Syahbah (1987) berkata: Maksud firman Allah الذي علم بالقلم ialah isyarat kepada apa yang diperolehi atau yang diusahakan melalui pembelajaran seperti ilmu penulisan dan maksud علم الإنسان ما لم يعلم ialah memberi isyarat kepada ilmu yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. Selain itu, Allah S.W.T. juga telah bersumpah dengan *al-Qalam* dalam firmanNya:

﴿ ن وَالْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ ﴿١﴾ ﴾

“Nun, demi kalam dan apa yang mereka tulis.” (al-Qalam: 1)

Bersumpah dengan al-Qalam dalam ayat tersebut adalah kerana kemuliaannya dan juga peringatan kepada manusia bahawa terdapat banyak kebaikan dan manfaat daripada menguasai ilmu tulisan dan ia merupakan sebagai simbol kepada pengetahuan dan ketamadunan.

Justeru penulisan adalah satu cabang ilmu yang amat mulia dan penting dalam kehidupan manusia sejagat dan dalam hal ini tersohor di kalangan masyarakat perumpamaan yang berbunyi *“Mata pena adalah lebih tajam daripada mata pedang”*. Kata-kata ini sebenarnya merujuk kepada kesan yang terhasil daripada penulisan adalah lebih tinggi dan besar terhadap jiwa yang mungkin boleh mengubah sekumpulan manusia berbanding kesan mata

pedang yang hanya boleh melukai seorang manusia sahaja pada satu masa. Oleh yang demikian, didapati bahawa penulisan juga adalah salah satu bentuk utama penyebaran ilmu agama di samping hafazan dan periwayatan. Ramai di kalangan ulama Islam terdahulu telah meninggalkan kepada kita dan generasi akan datang hasil-hasil penulisan mereka yang diiktiraf sebagai khazanah yang tidak ternilai dalam memahami agama Allah S.W.T.

PERMULAAN PENULISAN AL-QURAN

Al-Quran diturunkan secara berperingkat-peringkat mengikut keadaan dan peristiwa yang berlaku. Rasulullah s.a.w. menghafaz al-Quran dan menyampaikannya kepada manusia. Baginda juga menyuruh sebahagian Sahabat menuliskannya dengan berkata: “Susun surah ini di samping surah ini dan susunkan ayat ini selepas ayat ini..¹” dan begitulah seterusnya.

Terdapat di kalangan Sahabat, mereka yang mendengar al-Quran hanya sekali sahaja dari Rasulullah s.a.w. lalu terus mengingati kesemua atau sebahagiannya. Ada juga Sahabat yang menulis beberapa ayat, surah dan ada juga yang menulis kesemuanya. Ini bermakna al-Quran dihafaz keseluruhannya samada di dada mahupun ditulis ketika Rasulullah s.a.w. masih hidup.

Kesemua al-Quran telah ditulis semasa hayat Baginda tetapi ianya tidak dikumpulkan pada satu tempat kerana beberapa sebab iaitu berlaku penambahan ayat atau pengurangannya (*naskh*). Pada tahun sebelas Hijrah, berlaku satu peperangan yang dikenali sebagai peperangan al-Yamamah. Peperangan tersebut adalah di antara tentera Islam yang diketuai oleh Khalid bin al-Walid r.a. menentang tentera puak murtad yang diketuai oleh Musailamah al-Kazab. Bilangan tentera Islam yang syahid dalam peperangan tersebut adalah seramai 1,200 orang dan 700² daripadanya adalah dari kalangan Qurra' al-Quran (‘Ali Muhammad al-Dabba^c, t.th).

¹ Abu Daud, Sulaiman Ibn al-‘Sy^aath al-Sajistaniy, *Sunan Abi Daud*, kitab solat, bab man jahara biha. Beirut: Dar al-Kutub, jilid 1, hlm. 250.

² Dr. Subhiy Saleh dalam bukunya *Mababith fi ‘Ulum al-Quran* menyatakan bahawa para Qurra' yang syahid dalam peperangan tersebut adalah seramai 70 orang.

Umar bin al-Khattab r.a. merasa gusar dengan angka kematian yang tinggi di kalangan Qurra’ lalu memberikan cadangan kepada Abu Bakar al-Siddiq r.a. supaya mengumpul al-Quran di dalam satu suhuf. Pada mulanya Abu Bakar r.a. tidak bersetuju dengan cadangan tersebut, namun dengan cadangan yang berterusan daripada Umar bin al-Khattab r.a., Allah S.W.T. telah membuka hatinya menerima cadangan tersebut dengan alasan bahawa penulisannya juga adalah berpandukan kepada syariat Rasulullah s.a.w. dalam menulis al-Quran. Abu Bakar r.a. telah melantik Zaid bin Thabit r.a. sebagai penulis al-Quran sepertimana yang dapat difahami dari kata-katanya:

إنك رجل شاب لا نتهمك وقد كنت تكتب الوحي لرسول الله صلى
الله عليه وسلم فتتبع القرآن فاجمعه³

“Sesungguhnya kamu adalah seorang pemuda yang tidak pernah kami tuduh dengan sesuatu yang keji. Kamu pernah menjadi penulis wahyu kepada Rasulullah s.a.w. Maka hendaklah kamu jejak al-Quran dan kumpulkannya.”

Zaid bin Thabit r.a. menjawab: *“Demi Allah! Jika mereka memberikan tanggungjawab kepadaku untuk memindahkan satu bukit adalah lebih mudah bagiku melakukannya berbanding dengan mengumpul al-Quran.”*

Penulisan ini dilakukan oleh Zaid bin Thabit r.a. bersama Umar bin al-Khattab r.a. Bentuk penulisan yang mereka lakukan adalah dengan duduk di pintu masjid dan hanya menerima al-Quran yang dibawa dengan dua saksi. Ini berdasarkan kepada arahan daripada Abu Bakar r.a. yang berkata:

أقعدا على باب المسجد فمن جاء كما بشاهدين على شيء من كتاب
الله فاكتباه⁴

³ Al-Bukhariy, Muhammad Ibn Ismail, *Sahih al-Bukhariy*, kitab Fadail al-Quran, Bab Unzila al-Quran ‘la Sab‘tu Ahruf, jld 3, hlm. 1047. No. 5037.

⁴ Ibn Hajar menaakalkan dengan *tariq* Hisyam Ibn ‘Urwah Ibn al-Zubair dan Ibn Hajar berkata perawinya *thiqat* tetapi terputus. Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Kitab Fadail al-Quran, Bab Jam‘u al-Quran, Beirut: Dar al-Makrifah, t. th. Jld 9 hlm. 114.

“Duduklah kamu berdua di pintu masjid. Barangsiapa yang datang kepada kamu membawa al-Quran dengan dua saksi maka tulislah.”
(Manna^c Qattan: 1983)

Pengumpulan al-Quran di zaman Abu Bakar r.a. sempurna dilaksanakan dalam tempoh hampir setahun. Ini kerana pengumpulan al-Quran berlaku antara peperangan al-Yamamah dan tarikh wafat Abu Bakar r.a. pada tahun 13 Hijrah. Jika kita melihat kesungguhan para Sahabat mengumpul al-Quran dari pelepah tamar, kepingan batu, kulit dan lain-lain nescaya kita akan berkata kepada mereka sebagaimana yang diucapkan oleh Ali bin Abu Talib r.a.:

أعظم الناس في المصاحف أجرا أبو بكر، رحمة الله على أبي بكر هو
أول من جمع كتاب الله⁵

“Manusia yang paling besar ganjarannya dalam berkhidmat untuk mushaf ialah Abu Bakar r.a., semoga Allah mencurikan rahmat ke atas Abu Bakar, beliau merupakan orang pertama mengumpul kitab Allah.”

Sejarah juga menyaksikan bahawa Umar bin al-Khattab r.a. adalah pencetus idea dan Zaid bin Thabit r.a. bertindak sebagai orang yang melaksanakannya.

SISTEM PENULISAN AL-QURAN DI ZAMAN OTHMAN R.A.

Al-Bukhari telah meriwayatkan dalam Sahihnya bahawa Huzaifah bin al-Yaman r.a. telah datang kepada Othman bin al-Affan r.a. Sebelum itu beliau telah menyertai peperangan membuka Armenia dan Azerbaijan. Huzaifah r.a. amat bimbang terhadap isu pertelingkahan bacaan al-Quran di kalangan orang Islam di sana. Huzaifah berkata: “Wahai Amir al-Mukminin! Selamatkanlah umat ini sebelum mereka bertelingkah mengenai al-Quran seperti yang berlaku pada Yahudi dan Nasrani”. Othman r.a. telah meminta

⁵ Ibn Hajar menaqqalkan dari kitab *al-Masabif* oleh Ibn Abi Daud dengan isnad hasan daripada ‘Abd Khair. Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, Kitab Fada'il al-Quran, Bab Jam'u al-Quran, Beirut: Dar al-Makrifah, tth jld 9, hlm. 112.

Hafsah r.a. mengutuskan suhuf Abu Bakar r.a. untuk disalin dalam bentuk mushaf. Othman r.a. telah memerintahkan Zaid bin Thabit r.a., Abdullah bin al-Zubair r.a., Said bin al-As r.a. dan Abdul Rahman bin al-Harith bin al-Hisham r.a. menyalinnya ke dalam mushaf. Othman r.a. kemudian berkata kepada tiga orang Sahabat dari kalangan Quraish yang ditugaskan: “Jika kamu bertelingkah dengan Zaid bin Thabit r.a. tentang bentuk tulisan, hendaklah kamu tulis dengan lisan Quraish kerana al-Quran diturunkan dengan lisan mereka...”⁶

Daripada hadith di atas, kita dapat fahami bahawa jawatankuasa yang dilantik oleh Othman r.a. adalah seramai empat orang. Zaid bin Thabit r.a. adalah dari kalangan Ansar, manakala tiga orang lagi adalah dari kalangan Quraish. Keempat-empat mereka adalah Sahabat yang dipercayai umum dan dimuliakan. Jawatankuasa tersebut telah menjadikan suhuf Hafsah r.a. sebagai asas dalam penulisan mushaf. Penulisan yang mereka lakukan adalah berdasarkan bahasa Quraish. Ia adalah bahasa utama yang digunakan ketika berlaku pertembungan dalam tulisan antara mereka dan Zaid r.a. Mereka bertiga adalah dari kalangan Quraish. Penulisan yang dihasilkan oleh jawatankuasa ini merangkumi *tujuh huruf*⁷ kerana penulisan mereka tidak mempunyai titik mahupun baris (Subhi Saleh: 2000).

BUKU-BUKU YANG DIKARANG DALAM RASM MUSHAF

Para ulama sejak daripada dulu hingga sekarang telah menghasilkan pelbagai buku berkaitan penulisan al-Quran, antaranya Abu ‘Amru al-Dani⁸ yang telah

⁶ Al-Bukhariy, Muhammad ibn Ismail, *Sahib al-Bukhariy*, Kitab Fadhail al-Quran, Bab Nazala al-Quran Bi Lisan Quraish, jld 9, hlm. 1047, No. 5035.

⁷ *Tujuh Huruf* diturunkan pada permulaan Islam untuk memberi keringanan kepada umat Islam dalam pembacaan al-Quran. Sebahagian besarnya telah dinasakh semasa pembacaan terakhir Rasulullah saw di hadapan Jibril pada tahun terakhir Baginda tadarus bersama Jibril. Sangkaan setengah orang bahawa tujuh qiraat ialah tujuh huruf adalah pandangan yang daif, tetapi tujuh qiraat ialah sebahagian daripada tujuh huruf. (Ahmad Mahmud, 2002: 30).

⁸ Seorang ulama yang berkebolehan dalam ilmu Qiraat, Rasm, Dabt dan Ulum al-Quran. Antara karangannya ialah *al-Taisir fi al-Qiraat al-Sab‘*. Beliau meninggal pada tahun 444 hijrah. (Dr Zuhair Zahid dan Dr Khalil ‘Atiyyah, Mukadimah Kitab al-‘Unwan Fi al-Qirat al-Sab‘).

mengarang *al-Muqni'*, Abu 'Abbas al-Marrakisiy⁹ yang mengarang *'Unwan al-Dalil fi Marsum Khat al-Tanzil*, Shaykh Muhammad bin Ahmad yang terkenal dengan al-Mutawalli telah menghasilkan satu matan ilmu Rasm dan Syaikh Muhammad Ali Khalaf al-Husaini telah menghurai matan tersebut dan diikuti dengan penulisannya yang dinamakan *Mursyid al-Hairan ila Mārifati ma Yajib Abī'uhū fi Rasm al-Quran* (Abu Syahbah: 1987).

KAEDAH-KAEDAH RASM MUSHAF

Asas penulisan mestilah bertetapan dengan apa yang diucap tanpa penambahan (*ziadah*), pengurangan (*naqs*), perubahan (*taghyir*), pertukaran (*tabdil*) dengan mengambil kira Ibtida' dan Waqf. Tetapi dalam penulisan mushaf Othmani, berlaku perbezaan menulis dalam beberapa huruf mengikut kaedah-kaedah berikut:

1. Al-Hazf
2. Al-Ziadah
3. Al-Hamz
4. Al-Badl
5. Al-Fasl dan al-Wasl
6. Dua Qirat mutawatirah dengan satu tulisan.

Pertama: al-Hazf

Hazf bermaksud buang atau dengan kata lain tidak menulis huruf tersebut dalam perkataannya. Huruf yang dibuang ada tiga iaitu Alif, Wau dan Ya. Hazf Alif berlaku pada kalimah yang berbentuk seruan seperti *يا أيها الناس*, *ba al-tanbih* seperti *ها أنتم*, *يا* yang diikuti dengan ganti nama seperti *وءاتياها* و *أنجينكم*. Ia juga berlaku di semua Jam^c Muzakkar Salim dan Mu'annath Salim seperti *المؤمنات*, *المسلمت*, *القانتت*, *سمعون للكذب*, selain itu semua Jam^c yang menggunakan wazan *مفاعل* dan seumpamanya seperti *النصارى*, *مسجد* meskipun begitu beberapa perkataan tidak di hazaf alifnya.

⁹ Abu 'Abbas Ahmad Ibn Muhammad Ibn 'Uthman al-Asadi al-Marakishi yang terkenal dengan gelaran Ibn al-Bana meninggal pada tahun 721 (Abu Syahbah 1987: 340).

Hazf Ya ialah yang berlaku di setiap *Ism Manqus* yang bertanwin samada ianya berbaris di hadapan atau di bawah seperti غير باغ ولا عاد. Contoh lain adalah seperti ليعبدون, أطيعون, واتقون, فارهبون, فأرسلون. Hazf Wau pula berlaku apabila ia bertemu bersama Wau yang lain seperti لا, فأو إلى الكهف. Wau juga dibuang pada empat perkataan berikut يوم يدع, الداع, سندع الزبانية, ويدع الإنسان بالشر دعاءه بالخير, ويمح الله الباطل.

Kedua: al-Ziadah

Maksud ziyadah di sini ialah penambahan huruf Alif, Wau dan Ya dalam beberapa perkataan tertentu. Ziyadah al-Alif berlaku di setiap akhir Ism Majmu^c atau yang mengikut hukumnya seperti يلاقوا وهم, بنوا إسرائيل, الظنونا, الرسولا, السبيلا, لأاذبحنه, لأاوضعوا, أولوا الأبواب, ومن اناى الليل, مائة, مائتين, أولات, سأوريكم, مائه ملائهم, مائة المرسلين, أولئك, أولاد.

Ketiga: al-Hamz

Hamzah dibahagikan kepada dua iaitu *Hamzah Sakinah* dan *Hamzah Mutaharrikah*. Kaedah penulisan *Hamzah Sakinah* ialah ditulis di atas huruf mengikut baris sebelumnya samada di hadapan, tengah atau di akhir kalimah. Jika sebelumnya berbaris di bawah, ia ditulis dengan *ya* seperti انذن لي. Jika sebelumnya berbaris di hadapan, *hamzah* ditulis di atas *Wau* seperti أوؤمن dan jika sebelumnya berbaris di atas, *hamzah* ditulis di atas *Alif* seperti اجنناك, اقرا, البأساء.

Hamzah al-Mutaharrikah jika berada di permulaan kalimah atau bersambung dengan huruf *Za'idah*, ia ditulis bersama dengan *Alif* samada ketika baris di atas, di bawah mahupun di depan seperti فأبأي, فأصرف, فإذا, إذا. Jika ia berada di pertengahan kalimah, ia ditulis mengikut jenis barisnya. Apabila ia berbaris di atas, ia ditulis dengan *Alif* seperti سؤال, apabila ia berbaris di bawah ditulis dengan *Ya* seperti سئل dan apabila ia berbaris di hadapan ditulis dengan *Wau* seperti نقرؤه.

Apabila *Hamzah* berada di akhir kalimah, ia ditulis mengikut baris sebelumnya. Jika sebelumnya berbaris di atas ia ditulis dengan *Alif* seperti *سِيا*, jika sebelumnya berbaris di hadapan ia ditulis dengan *Wau* seperti *لؤلؤ* dan jika baris sebelumnya di bawah ia ditulis dengan *Ya* seperti *شاطي*. Walaupun begitu, terdapat beberapa kalimah yang tidak mengikut kaedah ini seperti *تفتنوا*, *تفتنوا*, *تفتنوا*, *أتوكوا*, *ولا تظمنوا* yang ditambah selepasnya dengan huruf *Alif*.

Keempat: al-Badl

Al-Badl dalam ilmu Rasm al-Quran bermaksud pertukaran huruf kepada huruf lain iaitu *Alif* ditulis dengan *Wau* seperti *الربوا*, *الحيوة*, *الزكوة*, *الصلوة* yang tidak disandarkan kepada kalimah lain. Terdapat beberapa pengecualian seperti: *وما كان صلاقم عند البيت إلا مكاء وتصدية*, *إن صلاتي ونسكي*, *إن هي إلا حياتنا الدنيا*. *Ya* juga ditulis pada perkataan yang ditukar daripada *Alif* seperti *يا أسفى*, *يا حسرتى*. *Alif* juga ditulis menggantikan *Nun Taunkid Khafifah* seperti *إذا*. Terdapat juga kalimah yang ditulis dengan *Ha Ta'nith* berlainan dengan asal iaitu seperti kalimah *رحمت*, *نعمت*, *سنت*, *معصيت* dan terdapat juga kalimah yang ditulis kadangkala dengan *Ha Ta'nith* atau *Ta'*.

Kelima: al-Fasl dan al-Wasl

Terdapat beberapa kalimah dalam al-Quran ditulis dengan menyambung dua kalimah menjadi satu perkataan dan ada pula pada sesetengah ayat perkataan tersebut diceraikan menjadi dua kalimah. Antara kalimah tersebut ialah *إلا*. Ia ditulis dengan *إلا* dan juga *أن لا*. Begitu juga *إما*. Ia ditulis dengan *إن ما* dan *إما* contoh-contoh lain adalah seperti *أما*, *أمن*, *عما*.

Keenam: Dua Qirat mutawatir dengan satu tulisan

Kaedah yang keenam bermaksud jika terdapat dua bacaan mutawatirah ia ditulis dengan satu bacaan sahaja, namun bacaan yang kedua boleh dibaca dengan tulisan yang pertama tersebut. Antara contoh kalimah yang dibaca dengan dua bacaan dan hanya ditulis dalam satu bentuk ialah *وعدنا*, *يخضعون*, *فرهن*, *تفدوهم*, *تظهرون*, *دفع*, *عقدت*, *أولستم*, *حرم*, *سكرى*, *ملك*. Semua kalimah tersebut ditulis dengan tiada *Alif* dan sebahagian Qurra' membacanya dengan *Alif* seperti *ملك* dan sebahagian Qurra' membaca dengan buang *Alif* (hazaf)

seperti ملك. Begitu juga dengan kalimah مصيطرون, المصيطرون, بصطة, يبسط. Kalimah-kalimah tersebut ditulis dengan Sad dan bersamanya terdapat huruf sin samada di atas atau di bawahnya. Jika huruf Sin ditulis dibawah Sad ia dibaca dengan Sad dan jika huruf Sin berada di atas Sad maka ia dibaca dengan Sin. (Muhammad Khalid Abdul Aziz, 1999: 388)

Demikianlah enam usul dan kaedah yang dibincangkan dalam ilmu Rasm al-Quran. Setiap usul yang dikemukakan adalah secara ringkas sahaja dan terdapat banyak lagi perselisihan (khilaf) yang perlu disebutkan yang tidak dapat dinyatakan dalam kertas kerja yang amat terhad ini. Meskipun begitu, huraian yang dibentangkan diharap dapat membantu para peserta memahami kedudukan ilmu Rasm al-Quran dan juga kandungannya.

KEISTIMEWAAN RASM OTHMANI

Rasm Othmani mempunyai beberapa keistimewaan:

Pertama: Kalimah yang satu dapat dibaca dengan beberapa qirat. Jika satu-satu kalimah terdapat dua bacaan atau lebih, ia ditulis dengan bentuk yang boleh dibaca dengan dua bacaan tersebut atau lebih. Contoh kalimah yang ditulis dengan satu bentuk tetapi dibaca dengan banyak bacaan ialah seperti Firman Allah S.W.T. *إِنْ هَذَا لَسَاحِرَان* ia ditulis semasa pemerintahan Othman r.a. dengan tanpa titik, baris, tasydid dan sebagainya. Bentuk tulisan tersebut hakikatnya dapat dibaca dengan empat wajah bacaan:

1. Qirat Nafei' dan yang bersama dengannya membaca Tasydid nun (نْ) dan takhfif (هَذَا) dengan alif.
2. Qirat Ibn Kathir membaca dengan takhfif nun (ن) dan tasydid nun هَذَا
3. Qirat Hafs membaca dengan takhfif nun (ن) dan (هَذَا) dengan alif.
4. Qirat Abu Amru membaca dengan tasydid nun (نْ) dan takhfif nun (هَذَا) dan dibaca dengan *هَذَا*. (Salim Muhaisin, 1997: 326).

Kedua: Penulisan Rasm Othmani ini memberi kesan kepada makna ayat. Ini seumpama ceraihan kalimah *أم من* dalam firman Allah S.W.T. *أم من يكون عليهم وكيلا* dan sambungan kalimah *أم من* dalam firman Allah S.W.T. *أمن يمشي سويا على صراط مستقيم*. Apabila ditulis *أمن* iaitu dengan idgham mim pertama kepada mim kedua dan ditulis dengan mim yang satu serta bertashdid ia membaca maksud “tidak seperti itu”. Dan apabila ia diceraikan ia bermakna “bahkan”. (al-Zarqaniy, 2001: jil 1: 333).

Ketiga: Penulisan ini menunjukkan kepada makna yang halus. Seperti penulisan kalimah *أيد* dalam firman Allah S.W.T. *والسمااء بئيناها بأيد وإنا لموسعون* ia ditulis dengan *بأييد* iaitu dua *Ya*. Maknanya di sini ialah kepada kekuasaan Allah S.W.T. yang menjadikan langit. Sesungguhnya kekuasaan dalam kejadiannya itu tidak menyerupai mana-mana satupun kejadian. Begitu juga dengan empat kalimah dalam al-Quran yang menghazaf *wau* iaitu *ويدعو الإنسان, ويمحو الله الباطل, يوم يدعو الداع, سندعو الزبانية*.

Semuanya ditulis seperti berikut: *ويدعو الإنسان, ويمحو الله الباطل, يوم يدعو الداع, سندعو الزبانية*.

Semua makna yang tersirat dalam penulisan ini amat tinggi dan halus. Abdul Rahman al-‘Ak berkata (1986): “Rahsia huruf wau pada empat kalimah tersebut ialah cepatnya berlaku perkara tersebut dan amat mudah bagi pembuat (Allah) melakukannya”.

Keempat: Penulisan ini menunjukkan kepada asal baris huruf tersebut. Seperti kalimah *وإيتاء* *Kasrah* telah ditulis dengan *Ya* iaitu *ذي القربى*. Baris hadapan ditulis dengan *wau* seperti kalimah *سأوریکم*. Begitu juga dengan kalimah *الصلوة* dan *الزكاة* kedua-duanya ditulis dengan *wau* iaitu *الصلوة* dan *الزكاة*. Ini memberi faham bahawa *alif* di dua kalimah tersebut adalah *wau* pada asalnya.

Kelima: Penulisan sebegini mendorong seseorang mempelajari dan menerima al-Quran dari guru yang dipercayai. Mereka tidak boleh berpegang hanya dengan tulisan ini tetapi mestilah membacanya dengan betul dan tepat. Justeru itu, mempelajarinya dengan cara talaqi (menerima dari guru secara

musyafahah) adalah perkara penting. Dan jika pembaca al-Quran tidak bertalaqi sudah tentu terdapat kesalahan dalam bacaan mereka.

RASM MUSHAF TAUQIFI?

Ulama berbeza pandangan dalam masalah ini kepada tiga pendapat:

Pertama: Ia adalah tauqifi dan tidak harus menyalahinya. Pandangan adalah pegangan juhur ulama. Mereka berdalil bahawa nabi s.a.w. mempunyai penulis-penulis wahyu dan mereka betul-betul menulis al-Quran dengan penulisan ini serta Rasulullah s.a.w. mengakui penulisan mereka. Zaman Rasulullah s.a.w. telah berlalu dan al-Quran terus dengan penulisan ini tanpa ada perubahan atau pertukaran. Bahkan Rasulullah s.a.w. telah meletak garis panduan kepada penulis wahyu Mua’wiyah Ibn Abi Sufiyan ra dalam penulisan al-Quran dengan sabdanya “Letakkan dakwat dengan sebaiknya, tajamkan kalam, tegakkan huruf Ba, ceraikan Sin, jelaskan huruf mim, perelokkan tulisan الله, panjangkan الرحمن, cantikkan الرحيم dan letakkan kalam kamu di telinga kanan mu sesungguhnya ia mengingatkan kamu.”¹⁰

Kemudian datang zaman Abu Bakar al-Siddiq r.a. dan menulis penulisan ini dalam suhuf dan seterusnya Othman r.a. telah mengikut jejak langkah Abu Bakar r.a. dengan menyalin suhuf dalam bentuk mushaf dan hal ini berlaku dengan begitu pada zaman Tabien dan selepasnya.

Dan tidak seorang pun yang mengingkari penulisan ini atau juga berfikir untuk menukar penulisan ini kepada penulisan lain yang wujud begitu pesat di zaman penubuhan. Justeru Rasm Othmani ini terpelihara, terkawal dan selalu diikuti dalam penulisan al-Quran.

Ringkasnya dari apa yang dipaparkan, penulisan Rasm Othmani ini telah mencapai kejayaan yang selayaknya disanjung dan wajib diikuti. Ini berasaskan kepada pengakuan Rasulullah s.a.w. dan arahnya dalam penulisan dan juga ijma’ sahabat yang ketika itu (zaman Uthman r.a.) bilangan

¹⁰ Ibn Hajar menaqlikan dari ‘iyadh dalam kitabnya *Fath al-Bari*, kitab al-Maghazi, Bab Umrah al-Qada, jld 7 hlm 504.

mereka lebih dari 12 ribu dan ijma' seluruh umat selepas itu di zaman al-Tabien dan imam-imam mujtahid.

Kedua: Rasm mushaf adalah berbentuk istilahi dan bukan tauqifi. Oleh itu ia harus untuk tidak mengikutinya. Pandangan ini dipegang oleh Ibn Khaldun dalam kitab mukadimahya (Ibn Khaldun, tth: 330). Al-Zarqaniy dalam kitabnya *manabil al-'Irfaq* (2001) menaqalkan pandangan Al-Qadhi Abu Bakar (berpendapat sama seperti Ibn Khaldun) berkata: "Adapun penulisan Allah S.W.T. tidak memfardhukan kepada umat dengan kewajiban di mana tidak pernah diarah kepada penulis al-Quran mengikuti penulisan yang tertentu dan meninggalkan penulisan lain. Kewajiban yang dikatakan hanyalah berasaskan kepada pendengaran dan tauqif sahaja. Sedangkan tidak ada nas dalam al-kitab yang menunjukkan bahawa penulisan al-Quran dan dabtnya tidak harus kecuali dengan bentuk tertentu dan tidak harus melangkaunya. Begitu juga tidak ada dalam nas ssunnah yang mewajibkan atau menunjuk ke arah itu. Begitu juga dengan Qias Syare'. Tetapi sunnah telah menunjuk harus menulisnya dengan bentuk yang mudah berdasarkan Rasulullah s.a.w. mengarah supaya ia ditulis dan tidak menerangkan bentuk penulisan tertentu, atau melarang seseorang menulisnya. Justeru terdapat perbezaan penulisan mushaf. Sebahagian menulis kalimah mengikut makhraj huruf, sebahagian menulis dengan menambah atau mengurangkan huruf kerana mengetahui bahawa ia adalah satu istilah.

Pandangan yang dibuat oleh al-Qadhi Abu Bakar ini telah diulas oleh al-Zarqaniy (2001) dalam beberapa sudut antaranya:

1. Dalil yang dikemukakan Jumhur (dalam pandangan pertama). Sebahagiannya adalah dari sunnah dan sebahagian lagi ialah dari ijma' sahabat dan Tabien.
2. Dakwaan bahawa tidak ada nas dari sunnah yang mewajibkan penulisan al-Quran ini adalah ditolak kerana Rasulullah sendiri telah memperakukan kepada penulisan yang dibuat oleh penulis wahyu berkaitan penulisan ini. Antara mereka ialah Zaid ibn Thabit yang menulis mushaf pada zaman Abu Bakar r.a. dan zaman Othman r.a. Dan sabda Rasulullah s.a.w. kepada Mua'wiyah dalam penulisan wahyu "Letakkan dakwat dengan elok, tajamkan mata pena, hingga akhirnya". Sesungguhnya ia

adalah hujah bahawa Rasulullah s.a.w. telah meletak garis panduan kepada sahabat dalam penulisan al-Quran.

3. Kata-kata al-Qadhi: “Kerana itu terdapat perbezaan mushaf”. Ia tidak dapat diterima. Ini kerana ia telah menjadi ijma’ sahabat dan tabien dan seluruh manusia mengenali Rasm tauqifi dan mereka memperakuihnya.

Ketiga: Pandangan ini menyatakan harus dan wajib menulis mushaf di masa ini mengikut istilah yang digunapakai mengikut semasa dan tidak harus menulis mushaf dengan Rasm Othmani. Ini untuk mengelakkan dari terjadi perubahan yang akan dibuat oleh orang-orang jahil. Akan tetapi diwaktu yang sama wajib menjaga Rasm Othmani. Pengajaran tersebut adalah seperti satu peninggalan bernilai yang diwarisi dari golongan terdahulu. Justeru jangan abaikan kepada golongan jahil akan tetapi kekal ditangan orang-orang yang berpengetahuan Rasm Othmani.

Pandangan ketiga ini berkisar kepada dua sudut. Pertama penulisan al-Quran disetiap masa adalah mengikut penulisan yang tersebut ketika itu. Ini adalah untuk menjauhkan manusia dari kesamaran dan kekeliruan dalam al-Quran. Dan keduanya ialah mengekalkan penulisan al-Quran pertama yang dibaca oleh golongan yang mengetahui.

ILTIZAM DENGAN RASM OTHMANI

Al-Sakhawi¹¹ meriwayatkan dengan sanadnya bahawa imam Malik ditanya: “Apakah pandangan tuan tentang orang yang menulis mushaf, adakah boleh ia menulis mengikut penulisan manusia ketika ini?”. Beliau menjawab: “Aku tidak berpandangan begitu, tetapi hendaklah ia menulis mengikut penulisan-penulisan wahyu dulu”.

Abu Amru al-Dami juga berkata: “Ditanya kepada Imam Malik tentang huruf alif dan wau dalam al-Quran adakah ia boleh diubah?”. Beliau

¹¹ Al-Sakhawi ini ialah murid kepada al-Imam al-Syatibiy yang menulis matan qiraat *Hirz al-amaniy wa Wajb al-Tahaniy* (meninggal 591). Al-Sakhawi telah mengarang beberapa kitab, antaranya ialah Mutasyabih al-Quran. Beliau meninggal pada tahun 634 hijrah.

menjawab: “Tidak”. Alif dan wau yang dimaksudkan ialah yang ditambahkan dalam Rasm dan tidak disebut dalam bacaan seperti kalimah (أولوا). (al-Zarqaniy 2001: jil 1: hlm 334).

Imam Ahmad berkata: “Haram menyalahi khat mushaf Othmani samada pada wau, alif, ya dan yang lain-lain”. (ibid)

PENUTUP

Sejarah telah membuktikan bahawa umat Islam maju dalam ilmu penulisan. Peninggalan ulama terdahulu telah menjadi harta bernilai kepada kita semua untuk mengetahui dan mendalami ilmu-ilmu Islam. Penulisan pada zaman Rasulullah s.a.w. berkembang dengan baik dan Baginda amat menggalakkan umat Islam mempelajari penulisan. Ini dapat dilihat dalam isu penebusan tawanan tentera musyrik Mekkah selepas peperangan Badar dan Baginda juga turut mengarahkan Zaid bin Thabit r.a. mempelajari tulisan Yahudi Madinah. Al-Quran al-Karim ditulis di bawah pengawasan Rasulullah s.a.w. Pengawasan ini menunjukkan bahawa Baginda amat prihatin dan dari sinilah bermula perselisihan pendapat antara ulama; Adakah ianya Tawqifi ataupun Imla’i? Penulis lebih cenderung mengatakan ianya adalah Tawqifi kerana banyak daripada penulisannya berlainan dengan kaedah Imla’i sebagaimana yang dapat dilihat dalam enam usul yang telah dihuraikan di atas.

Justeru pengetahuan dalam ilmu ini amatlah penting dan perlu dipelajari dengan baik demi menjaga ketulinan nas al-Quran. Semoga penulisan al-Quran terus kekal dengan Rasm al-Othmani dan pengetahuan umat Islam ke arah itu dapat dikembangkan lagi ke seluruh pelusuk masyarakat Islam.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Tafsir Pimpinan al-Rahman. 2002. Percetakan Yayasan Islam Terengganu.

Subhi Saleh. 2000. *Mabahith Fi ‘Ulum al-Quran*, Dar al-‘Ilmi, Beirut, Lubnan.

Mohd Abu Syahbah. 1987. *al-Madkhal li Dirasah al-Quran al-Karim*. Dar al-Liwa’. Riyadh, Saudi Arabia.

Al-Dhabba’. Ali Muhammad. t.th. *Al-Idhoab fi Bayan Usul al-Qiraab*. Kaherah.

Al-Bukhari. Abu Abdullah Muhammad b. Ismail. 1400H. *Sahih al-Bukhari* dalam *Fath al-Bari fi Sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq Abdul Aziz Bin Baz. Kahirah. Al-Salafiah.

Al-Zarqani. Muhammad ‘Abdul ‘Azim. 1988. *Manabil al-‘Irfan Fi ‘Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Abi Tahir. Ismail bin Khalaf. 1987. *al-‘Unwan Fi al-Qiraat al-Sab’*. Beirut: Alam al-Kutub.

Abu Daud, Sulaiman Ibn al-‘Syath al-Sajistaniy, *Sunan Abi Daud*, Beirut: Dar al-Kutub.

Ibn Kaldun. Abdul Rahman bin Kaldun. t.th. *Muqaddimah Ibn Kaldun*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Hajar. t.th. *Fath al-Bari*. Beirut: Dar al-Makrifah.

Manna^c Qattan. 1983. *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Beirut: Mua’ssasah al-Risalah.

Muhammad Khalid Abdul Aziz. 1999. *al-Wasit Fi Ilmi al-Tajwid*. Amman: Dar al-Nafais.

Muhammad Salim Muhaisin. 1997. *al-Irsyadat al-Jaliyyah*. Beirut: Dar al-Jail.

<http://www.Qurancomplex.org>